

Senarai pembayar cukai yang diperintah Bankrap oleh mahkamah kerana mempunyai hutang cukai pendapatan

Bil.	Pembayar Cukai / Penghutang Penghakiman	Kategori	Amaun Cukai Tertunggak (RM)	Tarikh Keputusan Kebankrapan	Ringkasan Fakta Kes	Mahkamah
1	Winfield Academy Sdn. Bhd.	Syarikat	170,349.41	07.09.2017	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur membenarkan petisyen Kerajaan Malaysia melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) bagi menggulung Syarikat Winfield Academy Sdn Bhd yang merupakan sebuah institusi pengajian swasta atas kegagalan syarikat tersebut membayar amaun cukai tertunggak berserta kenaikan untuk Tahun Taksiran 2010 dan 2011. Petisyen Penggulangan Syarikat telah difailkan di Mahkamah pada 28 April 2017 dan bicara Petisyen telah ditetapkan pada 15 Jun 2017. Namun, perbicaraan telah dibenarkan penangguhan sebanyak dua kali oleh Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, YA Tuan Mohamed Zaini Bin Mazlan atas permintaan Responden yang berjanji kepada Mahkamah untuk menyelesaikan segala tunggakan tersebut	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

					secara keseluruhan dan atas dasar memelihara kepentingan para pelajar di kolej tersebut. Walau bagaimanapun, sehingga tarikh bicara yang telah ditetapkan oleh Mahkamah pada 7 September 2017, Responden masih gagal mematuhi arahan Mahkamah untuk menyelesaikan kesemua tunggakan yang dinyatakan dalam Notis Tuntutan Bayaran dan Petisyen. Justeru, Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, YA Tuan Mohamed Zaini Bin Mazlan setelah mendengar hujah Peguam Hasil Cawangan Guaman Kuala Lumpur, Umi Khairunnisa Bt Mohd Soffian Lee telah membenarkan Petisyen Penggulangan terhadap Responden. Winfield Academy Sdn Bhd tidak diwakili peguam. Walau bagaimanapun, Pengarah syarikat tersebut, Manimaran a/l Kanappram turut hadir.	
2	Jamal Abdul Hakim Bin Ismail	Individu	142,386.34	30.08.2017	Pembayar Cukai mempunyai cukai tertunggak untuk Tahun Taksiran 2004, 2005 dan 2006 yang masih gagal dilunaskan.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

					Perintah kebangkrapan tersebut telah didengar dan direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Puan Nurzihan binti Abdul Rehman. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Nur Syazwani Binti Hamzah.	
3	Zirwatul Amal Binti Ahmad	Individu	102,571.98	07.09.2017	Pembayar cukai merupakan seorang pengusaha penyedia makanan telah dihukum bankrap atas kegagalan menjelaskan cukai tertunggak kepada LHDNM bagi Tahun Taksiran 2004, 2005 dan 2006. Perintah kebangkrapan tersebut telah didengar dan direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Puan Kodesviary A/P Ramanaidu Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Nur Syazwani Binti Hamzah.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur

4	Law Tien Wah	Individu	31,508.84	07.09.2017	Dalam kes ini, Pembayar Cukai / Penghutang Penghakiman merupakan seorang ahli perniagaan yang terlibat dalam aktiviti mengecat dan menghias. Saman diteruskan ke atas pembayar cukai tersebut kerana telah gagal dan lewat mengemukakan Borang Nyata Orang Perseorangan di Bawah Seksyen 77 Akta Cukai Pendapatan untuk Tahun Taksiran 2004, 2006 & 2007 kepada Plaintiff. Oleh kerana itu, Penghakiman Ingkar telah diperoleh terhadap Pembayar Cukai / Penghutang Penghakiman tersebut pada 16/5/2014. Namun sehingga tarikh hari ini, Pembayar Cukai / Penghutang Penghakiman masih lagi enggan menjelaskan cukai tertunggak tersebut maka perintah bankrap telah direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Tuan Saravanan a/l Meyappan. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Siti Aisyan Yusoff @ Md Nasir.	Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur
---	---------------------	----------	-----------	------------	---	------------------------------

5	Chin Kooi Hin	Individu	58,929.42	11.09.2017	Dalam kes ini, Pembayar cukai/ Penghutang Penghakiman Chin Kooi Hin telah gagal membayar keseluruhan cukai Pendapatan Tahun Taksiran 2006, 2012 dan 2013. Perintah kebangkrapan telah direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam, Puan Fa'erah Nurul Ainni Binti Izany. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Siti Maisarah Binti Ab Rahim.	Mahkamah Tinggi Shah Alam
6	Lee Kim Foh	Individu	33,381.22	11.09.2017	Pembayar cukai/ Penghutang Penghakiman Lee Kim Foh telah gagal membayar keseluruhan cukai pendapatan bagi Tahun Taksiran 1998, 1999, 2000, 2001, dan 2002. Perintah kebangkrapan telah direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam, Puan Fa'erah Nurul Ainni Binti Izany. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Siti Maisarah Binti Ab Rahim.	Mahkamah Tinggi Shah Alam

7	Tan Cheng Lai	Individu	53,569.64	11.09.2017	Pembayar cukai/ Penghutang Penghakiman Tan Cheng Lai telah gagal mematuhi Notis-notis Bayaran Ansuran bagi Tahun Taksiran 2005, 2006, 2007, 2008 dan 2009. Perintah kebangkrapan telah direkodkan di hadapan Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Tinggi Shah Alam, Puan Siti Suriatey Binti Mohamed Yusoff. Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia diwakili oleh Peguam Hasil Nur Farzana Binti Mohammad Puat.	Mahkamah Tinggi Shah Alam
---	----------------------	----------	-----------	------------	--	---------------------------